

Newspaper	Berita Harian
Date	7 December 2015

Obama akur kandungan TPPA ikut terma Malaysia

BH- 7/12/2015

» *Presiden AS tidak ada masalah syarat ditetapkan KL: Najib*

Oleh Faridzwan Abdul Ghafar
faridzwan@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Presiden Amerika Syarikat, Barack Obama akur dengan kehendak Malaysia yang bertegas mahukan kandungan Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA) diwujudkan mengikut terma oleh negara ini, kata Datuk Seri Najib Razak.

Perdana Menteri berkata, Obama tidak mempunyai se-

barang masalah dengan syarat yang ditetapkan Malaysia ketika perbincangan diadakan mengenai TPPA dalam pertemuan di antara kedua pemimpin itu.

Berani bersaing

“Saya tidak ada masalah dan boleh berunding dengan Obama. Beliau tinggi dan saya pun tinggi juga. Kita berani bersaing.

“Saya beritahu Obama bahawa kita mahu TPP tetapi mesti mengikut syarat kita. Kena berlagak sedikitlah ... kita boleh dapat,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap di hadapan 225 pemimpin pelajar universiti awam (UA) dan institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) dari seluruh negara sempena Majlis Perasmian Persidangan Kepemimpinan Mahasiswa Nasional 2015 (PEMANAS 3.0), di PWTC di sini, malam tadi.

“**Saya beritahu Obama bahawa kita mahu TPP tetapi mesti mengikut syarat kita. Kena berlagak sedikitlah ... kita boleh dapat**”

Najib Razak,
Perdana Menteri

Yang turut hadir, isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor; Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Shaidan Kassim dan Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob.

Perdana Menteri berkata, pemimpin kuasa besar dunia datang ke Malaysia untuk

menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN Ke-27 dan Sidang Kemuncak Berkaitan pada bulan lalu dan mereka menunjukkan hormat kepada negara ini.

Bukti kejayaan UMNO

Katanya, ia adalah bukti nyata kejayaan pemerintahan negara yang diterajui UMNO sejak zaman kemerdekaan sehingga kuasa besar dunia mengiktiraf Malaysia sebagai suara penting di arena antarabangsa.

“Ini semua adalah kejayaan kita... kejayaan UMNO dan sebab itu saya jadi naik semangat.

“Kita mesti pastikan bahawa UMNO kekal berkuasa di bumi bertuah ini dan kita mesti yakin,” katanya.